

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Hujan ribut petir sehingga hujung Oktober	Utusan Malaysia
2.	Hazy Aidiladha expected in eight states	New Straits Times
3.	Taufan Jenny undang jerebu	Harian Metro

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 24 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

Hujan, ribut petir sehingga hujung Oktober

KUALA LUMPUR 23 Sept.

- Negara akan mengalami kejadian hujan dan ribut petir dengan lebih kerap pada sebelah petang terutamanya di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung sehingga penghujung Oktober ini.

Bagi Sabah, kejadian ribut petir dijangka lebih kerap di bahagian barat, Kudat dan Pedalaman manakala untuk Sarawak, ribut petir dijangka tertumpu di kawasan Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong dan Sibu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, negara mengalami keadaan itu kerana berada dalam musim peralihan monsun bermula 20 September lalu hingga ke penghujung Oktober ini.

“Kejadian ribut petir yang berlaku disertai dengan hujan lebat dan angin kencang boleh menyebabkan banjir kilat dan perosakan.

“Orang ramai dinasihatkan agar berhati-hati dengan keselamatan diri keluarga semasa monsun ini,” kata satu kenyataan di ini.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 03
TARIKH : 24 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)

Putrajaya recorded a moderate API reading of 62 yesterday. Pic by Ahmad Irham Mohd Noor



Hazy Aidiladha expected in eight states

KUCHING: Muslims in eight states and territories are expected to usher in Hari Raya Aidiladha under hazy weather conditions today.

The six states likely to be affected were Sarawak, Selangor, Negri Sembilan, Malacca, Johor, Pahang as well as the Federal Territories of Putrajaya and Kuala Lumpur, said the Meteorology Department in its weather outlook.

The haze, which had made a return to Sarawak since Tuesday, was unlikely to ease soon with three divisions in the southern part of the state registering unhealthy air quality in the Air Pollutant Index (API) readings.

Checks with the Department of Environment showed that Samara-

han was the worst affected division with an unhealthy API reading of 157 as of 6pm yesterday, 34 points higher than the day before.

Other affected divisions were Kuching and Sri Aman with API readings of 137 and 121, respectively.

Despite the lower visibility brought on by the haze, operations at the Kuching International Airport (KIA) were not disrupted.

Malaysia Airports Sdn Bhd senior manager Mohd Nadzim Hashim said there was only one flight delayed involving the sector.

In **Kota Kinabalu**, S
spared after Tawau reg
healthy API reading
6pm.

State Meteorological Department Abdul Malik Tusin said the air quality in Tawau worsened as the south-western winds brought haze from Tarakan.

"The visibility in Tawau stood at 1.2km, and we expect this to last until the end of the month," he said, adding that other districts recorded moderate API readings.

The API readings for 32 locations nationwide were moderate, while another 14 saw good air quality.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 24 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

Taufan Jenny bakal undang jerebu

Kuala Lumpur: Situasi jerebu yang kian beransur pulih di negara ini, dijangka bertandang lagi ke beberapa kawasan di Semenanjung dan Sarawak susulan tiupan angin ribut taufan Jenny yang terbentuk di timur Filipina mulai semalam.

Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional Dr Mohd Hisham Mohd Anif berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan ribut taufan itu akan menolak angin dan membawa jerebu dari Indonesia kebali ke Malaysia.

"Semuanya bergantung kepada keadaan semasa, sekiranya angin taufan yang baru terbentuk, tidak mustahil jerebu akan datang semula.

"Meramandangkan angin yang bergerak itu berlaku di kawasan tekanan tinggi ke rendah, taufan akan tetap

terjadi pada kawasan mempunyai tekanan rendah kerana kedudukan Malaysia berhampiran dengan tempat berlakunya jerebu.

"Itulah punca mengapa negara kita mudah menerima asap dari negara jiran dan saya jangkakan ia akan berakhir pada penghujung bulan ini," katanya.

Sementara itu, kualiti udara di empat kawasan daripada dua negeri berada pada skala bacaan tidak sihat disebabkan jerebu merentas sempadan dari Kalimantan dan Sumatera, Indonesia.

Berdasarkan laman seswang Jabatan Alam Sekitar (JAS), setakat jam 6 petang semalam, tiga kawasan di Sarawak masih merekodkan bacaan paras tidak sihat iaitu Samarahan 157, Kuching (137) serta Sri Aman (121).

Di Sabah pula hanya da-

erah Tawau mencatat paras bacaan IPU tidak sihat iaitu 119.

Sebanyak 33 lokasi direkodkan mengalami kualiti udara tahap sederhana dengan empat kawasan menghampiri kualiti tidak sihat iaitu bacaan IPU 90 ke atas membabitkan Banda-

raya Melaka dan Bukit Rambai, Melaka masing-masing 91 dan 93.

Dua daerah di Sarawak pula ialah Sarikei dan Sibu masing-masing merekodkan bacaan 99 serta 93 manakala status kualiti udara di majoriti kawasan lain kekal berada pada tahap baik.